

HUJAH MENOLAK PENGGUNAAN KALIMAH 'ALLAH' OLEH KRISTIAN¹

Mohd Aizam bin Mas'od
Cawangan Aqidah
Bahagian Penyelidikan

Abstrak

Isu tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di negara ini seharusnya ditangani dengan bijak. Perbincangan ilmiah dengan memahami maksud tersurat dan tersirat terhadap tuntutan ini harus diselami oleh semua pihak. Kalimah Allah merupakan kalimah suci yang melambangkan Islam itu sendiri. Umat Islam semestinya mempertahankan penggunaan kalimah ini agar tidak tersasar dari maksud sebenar. Ia adalah kewajipan bagi umat Islam dalam mempertahankan kesucian Islam itu sendiri.

Pendahuluan

Pada 31 Disember 2007, pengarang akhbar Herald-The Catholic Weekly, Paderi Lawrence Andrew menyatakan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperbaharui permit penerbitan akhbar itu tanpa larangan menggunakan kalimah 'Allah'. Bagaimanapun kerajaan menegaskan bahawa larangan penggunaan kalimah 'Allah' masih kekal. Pada 3 Januari 2008, kabinet mengekalkan larangan bagi semua agama kecuali Islam daripada menggunakan kalimah 'Allah' dalam penerbitan akhbar masing-masing. Sebelum ini Kabinet telah memutuskan keputusan yang sama dalam mesyuarat pada 18 Oktober dan 1 November 2006. Pada 19 Mac 2008, Gereja Katolik telah memohon di Mahkamah Tinggi untuk melakukan semakan kehakiman terhadap larangan penggunaan kalimah 'Allah'. Pada 5 Mei 2008, Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) telah membuat keputusan membenarkan permohonan Gereja Katolik untuk membuat semakan kehakiman (undang-undang) terhadap larangan menggunakan kalimah 'Allah' dalam penerbitan mingguan Herald-The Catholic Weekly. Oleh itu, artikel ini digarap dalam rangka menyediakan hujah menolak penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian.

Alasan Gereja Katolik Menggunakan Kalimah 'Allah'

Dalam akhbar *The Sun* bertarikh 24 Disember 2007, terdapat laporan bertajuk '*Church leaders explain use of 'Allah'*'. Terdapat lima alasan utama yang dikemukakan oleh laporan tersebut mengapa Gereja Katolik ingin meneruskan

¹ Artikel ini telah diterbitkan di dalam Jurnal Penyelidikan JAKIM Bil. 21 Tahun 2008.

penggunaan kalimah ‘Allah’ di dalam akhbar terbitan mereka. Alasan yang dikemukakan ialah seperti berikut:

- a) Mendakwa mereka mengikut Bible. Bible dalam bahasa Melayu menggunakan kalimah ‘Allah’ sebagai terjemahan istilah God dan ‘Tuhan’ sebagai terjemahan untuk istilah Lord.
- b) Mendakwa bahawa mulai awal abad ke-19, para penganut Katolik di Malaya telah pun memiliki buku-buku doa dalam bahasa Melayu dan kalimah ‘Allah’ telah digunakan sebagai terjemahan kepada istilah God. Para penganut Katolik Malta juga menggunakan kalimah ‘Allah’ untuk merujuk kepada Tuhan dan demikian juga masyarakat Kristian di Indonesia, Pakistan dan Asia Barat.
- c) Mendakwa ayat-ayat al-Quran sendiri telah menunjukkan bahawa golongan bukan Islam juga telah menggunakan lafaz Allah.
- d) Mendakwa bahawa segmen (terjemahan) dalam bahasa Malaysia diwujudkan untuk memenuhi keperluan kepelbagaian etnik dan bahasa yang wujud di Malaysia sebagaimana yang wujud di dalam populasi penganut Katolik di Malaysia.
- e) Mendakwa kerajaan tidak mempunyai hak untuk campurtangan dalam urusan dalaman gereja berdasarkan hak yang diberi oleh Perkara **11(3)A** Perlembagaan Persekutuan.

Hujah-hujah Menolak Alasan Pihak Gereja Katolik

Alasan pertama: Mendakwa mereka mengikut Bible. Bible dalam bahasa Melayu menggunakan ‘Allah’ sebagai terjemahan istilah God dan ‘Tuhan’ sebagai terjemahan untuk istilah Lord.

Hujah-hujah Menolak:

- a) Kalimah ‘Allah’ adalah kata nama khas berasal daripada bahasa Arab. Kalimah ini tidak boleh digunakan dalam bentuk atau makna-makna lain. Menurut nahu Arab, kalimah ini tidak boleh diumum, dikecil, dilelaki, diperempuan atau diterbitkan nama-nama lain daripadanya. Kalimah ‘Allah’ adalah bebas dari segi struktur nahu dan maknanya dari segala korupsi. Kita tidak boleh memanipulasikannya dengan apa cara sekalipun dalam bahasa asalnya. Dari segi struktur linguistik, kalimah ‘Allah’ lebih *superior* daripada apa jua perkataan daripada apa jua bahasa dalam memelihara dan mempertahankan makna ke-Esaan dan keunikan satu-satunya Tuhan yang layak disembah². Oleh kerana itu, umat Islam tidak sekali-kali menterjemahkan ‘Allah’ kepada apa jua bahasa melainkan dikekalkan lafaznya yang asal iaitu ‘Allah’.

² _____ (1990), *Mengapa Kalimah Allah?*, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM KL, hal. 32-33.

- b) Di peringkat antarabangsa, penggunaan kalimah ‘Allah’ dari segi istilah adalah amat sinonim dengan agama dan umat Islam. Ia diiktiraf oleh kamus-kamus serta ensiklopedia terkemuka di dunia. Antaranya:
- i. Kamus Oxford - Allah : *Name of God among Muslims*³.
 - ii. Ensiklopedia Britannica - Allah : “*God*”, *the one and only God in the religion of Islam*⁴.
 - iii. Ensiklopedia Katolik - *Let it be noted that although Allah is an Arabic term, it is used by all Moslems, whatever be their language, as the name of God*⁵.
- c) Dalam konteks Malaysia kalimah ‘Allah’ tidak diterjemahkan kepada bahasa Melayu atau bahasa Malaysia malah ia dikekalkan tanpa terjemahan. Oleh itu kalimah ‘Allah’ di Malaysia adalah merujuk terus kepada makna yang terkandung di dalam teks al-Quran tanpa pengubahsuaian pada lafaz (terjemahan) mahupun maksud kalimah tersebut. Ini terbukti sebagaimana definisi ‘Allah’ yang kemukakan oleh Kamus Dewan Edisi Empat: Allah : Ar (Asal bahasa Arab) Tuhan (Yg Esa); ~ *azzawajalla* Tuhan Yg Maha Baik dan Maha Mulia; ~ *subhanahu wa taala* terpujilah Tuhan yg Maha Tinggi⁶.

Kamus Pelajar pula mendefinisikan kalimah ‘Allah’ seperti berikut:

Tuhan Yang Maha Esa, Yang bersifat dengan sifat-sifat Yang Maha Sempurna dan Yang mencipta alam ini⁷.

Oleh itu kalimah ‘Allah’ tidak boleh dianggap sebagai terjemahan tuhan dalam bahasa Melayu atau ‘god’ dalam bahasa Inggeris kerana ia adalah lafaz bahasa Arab yang dikekalkan sebagai mematuhi kitab suci umat Islam yang telah membudaya dalam masyarakat Islam dan dimaklumi sebaiknya oleh bukan Islam di negara ini.

- d) Perbuatan pihak Gereja Katolik menterjemahkan perkataan ‘god’ kepada ‘Allah’ juga tidak menepati istilah yang digunapakai oleh masyarakat di negara ini. Perkataan ‘god’ menurut Kamus Dewan Inggeris-Melayu ialah:

n **1.** *male deity*, dewa, tuhan; (*archaic*) betara: *the Greek ~s*, dewa-dewa Yunani; **2.** *idol*, berhala, patung; **3.** *so., st. deified*, tuhan: *money*

³ A.S Hornby(1985), *Oxford Advanced Learner’s Dictionary Of Current English*, Oxford University Press, Great Britain, p. 23.

⁴ <http://www.britannica.com/eb/article-9005770/Allah>. Dilayari pada 8 Jun 2008.

⁵ <http://www.newadvent.org/cathen/01316a.htm>. Dilayari pada 8 Jun 2008.

⁶ http://smbd.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx. Dilayari pada 8 Jun 2008.

⁷ Ibid.

has become his ~, wang telah menjadi tuhan baginya; **make a ~ of /so., st/**, bertuhankan /sso, sst/; **4. G~**, Tuhan; (*in Islam*) Allah⁸.

Takrifan ini dibuat oleh Kamus Dewan berdasarkan budaya yang menjadi amalan masyarakat di negara ini. Ini bermakna 'god' bagi selain Islam diterjemahkan sebagai dewa dan tuhan. Manakala 'God' (huruf 'g' besar) ia digunakan sebagai kata ganti nama yang merujuk kepada 'Allah' dan bukan terjemahan bagi kalimah 'Allah' dalam bahasa Inggeris (seperti pada takrif no. 4 di atas). Ia seperti juga umat Islam menggunakan huruf besar untuk setiap huruf pertama bagi kata-kata ganti nama yang lain apabila merujuk kepada 'Allah' seperti Aku, Kami, Dia dan Engkau.

- e) Bible bahasa Melayu yang didakwa sebagai rujukan kepada penggunaan kalimah 'Allah' juga tidak boleh diterima berdasarkan faktor kredibiliti penterjemahan dan perundangan Malaysia. Maksud kredibiliti penterjemahan iaitu sehingga kini tidak diketahui pihak berautoriti yang terlibat dalam penterjemahan Bible ke dalam bahasa Melayu (misalnya adakah Dewan Bahasa dan Pustaka dirujuk dalam hal ini?). Tambahan pula, faktor perundangan menegah penggunaan kalimah-kalimah tertentu yang menjadi hak eksklusif umat Islam untuk digunakan oleh bukan Islam. Oleh itu alasan yang mengatakan mereka merujuk kepada Bible bahasa Melayu adalah tertolak dengan sendirinya kerana kesahihan penterjemahan Bible tersebut boleh dipertikai.

Alasan kedua: mendakwa bahawa mulai awal abad ke-19, para penganut Katolik di Malaya telah pun memiliki buku-buku doa dalam bahasa Melayu dan perkataan 'Allah' telah digunakan sebagai terjemahan kepada istilah God. Para penganut Katolik Malta juga menggunakan perkataan 'Allah' untuk merujuk kepada Tuhan dan demikian juga masyarakat Kristian di Indonesia, Pakistan dan Asia Barat.

Hujah-hujah Menolak

- a) Alasan ini adalah bertitik tolak daripada sejarah kedatangan mubaligh Kristian ke Tanah Melayu dan Nusantara. Sejarah telah mencatatkan antara misi utama kedatangan penjajah Barat ke Asia Tenggara adalah untuk mengaut hasil bumi dan menyebarkan agama Kristian ke seluruh rantau ini. Antara usaha-usaha yang giat dilakukan oleh para mubaligh ini ialah menterjemahkan Bible ke dalam bahasa penduduk tempatan termasuk menjalankan upacara keagamaan dalam bahasa yang difahami oleh masyarakat setempat.

Sebagai contoh, terjemahan Bible oleh Dr. Mekhior Leidekler dalam tahun 1733, telah diterima sebagai satu hasil terjemahan yang standard dan digunakan dengan meluas pada abad ke-18 dan ke-19 di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia⁹. Kegiatan menterjemah Bible ini telah terus

⁸ http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx. Dilayari pada 8 Jun 2008.

⁹ Neill,S(1956). Colonialism and Christian Missions. London: Lutterworth Press, hal. 77.

meningkat dengan munculnya penjajah Inggeris di Tanah Melayu selepas menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Melaka pada tahun 1795. Stamford Raffles ialah seorang tokoh penjajah Inggeris yang terlibat secara langsung dalam kegiatan mengembangkan agama Kristian menerusi kegiatan menyebarkan terjemahan kitab Bible.

Dalam tahun 1852 versi terjemahan dalam tulisan rumi dan jawi diterbitkan dan disebarkan dengan meluas di Tanah Melayu. Stamford Raffles juga merupakan seorang penyokong kuat usaha para mubaligh Protestant dari Pertubuhan Mubaligh London yang berhasrat untuk mendirikan pusat percetakan di Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Betawi. Selain mencetak terjemahan Bible, kegiatan percetakan ini juga menerbitkan majalah-majalah Melayu yang mengandungi pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang diselitkan dengan propaganda Kristian dengan bertujuan pengembangan agama di Tanah Melayu. Sekitar tahun 1821 – 1905 pelbagai majalah diterbitkan seperti Buletin Arifin, Cermin Mata, Sahabat dan Warta Melayu¹⁰.

Kegiatan menyebarkan bahan propaganda Kristian ini kemudiannya telah disertai oleh para paderi Protestant dari Amerika Syarikat yang mewakili Lembaga Pesuruhjaya-pesuruhjaya Amerika di Luar Negeri (The America Board of Commissioners of Foreign Missions)¹¹.

Kesemua fakta ini menunjukkan ada alasan yang nyata untuk kerajaan tidak membenarkan pihak Kristian pada hari ini menggunakan kalimah ‘Allah’ di dalam Bible bahasa Melayu. Ini kerana terjemahan tersebut tidak melambangkan *literature* sebenar doktrin agama Kristian sebaliknya bahasa hanya dieksploitasi sebagai perantara untuk menyebarkan dakwah Kristian.

- b) Percubaan untuk membandingkan Malaysia dengan negara-negara lain yang menggunakan kalimah ‘Allah’ bagi merujuk kepada ‘god’ juga tertolak. Ini kerana setiap bahasa yang digunakan oleh setiap bangsa di negara tertentu mempunyai sejarah dan kebudayaan yang berbeza. Dalam kes ini latar belakang bahasa Melayu yang digunakan oleh penduduk Malaysia lahir daripada rahim agama Islam dan kebudayaan Melayu – budaya Melayu itu sendiri terhasil daripada agama Islam. Oleh itu, ia wajib mencerminkan kelaziman Melayu yang berpunca daripada agama Islam. Ini sudah tentu berbeza dengan latar belakang bahasa Melayu yang terdapat di Indonesia dan Singapura.
- c) Berkenaan penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh penganut Kristian di Asia Barat juga tidak boleh dijadikan hujah. Bangsa Arab bukan Islam sememangnya telah lama menggunakan kalimah ‘Allah’ berdasarkan faktor teologi dan kebudayaan yang telah sedia wujud di Asia Barat. Perkara ini dijelaskan sendiri oleh al-Quran apabila al-Quran datang untuk menjernih

¹⁰ Ibid, hal. 180-181.

¹¹ Ibid.

dan menyucikan semula penyalahgunaan maksud kalimah ‘Allah’ yang digunapakai oleh golongan Jahiliyyah dan ahli kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani.

- d) Dalam konteks etimologi dan semantik pula, alasan Gereja Katolik untuk merujuk kepada masyarakat Kristian Arab adalah tersasar jauh. Mereka tidak boleh membandingkan apa yang berlaku kepada Kristian Arab dengan Kristian di Malaysia. Apa yang berlaku di negara-negara Arab ialah pihak Kristian Arab menterjemahkan Bible daripada bahasa Suryani (Syria/Syam) atau Aramik dan bahasa Ibrani (Hebrew) kepada bahasa Arab. Perlu diketahui bahasa Arab, Aramik dan Ibrani berada dalam rumpun bahasa yang sama iaitu rumpun Semitik. Oleh itu, Kristian Arab mempunyai hak untuk berhujah bahawa kalimah ‘Allah’ berkemungkinan berasal daripada nama asal tuhan mereka dalam bahasa Aramik atau Ibrani. Tetapi apa pula rasional pihak gereja Kristian untuk menterjemahkan ‘god’ dalam Bible bahasa Inggeris kepada ‘Allah’ dalam Bible bahasa Melayu? Bukankah kedua-duanya adalah dua rumpun bahasa yang jauh berbeza dari segi etimologi dan semantik bahkan suasana yang membudayai penggunaan bahasa-bahasa itu?

Alasan ketiga: Mendakwa ayat-ayat al-Qur’an sendiri telah menunjukkan bahawa golongan bukan Islam juga telah menggunakan lafaz Allah.

Hujah-hujah menolak:

- a) Antara ayat yang sering dirujuk oleh pihak gereja Katholik ialah surah al-‘Ankabut ayat 61:

وَلَمَّا سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولَنَّ اللَّهُ فَأَنَّى يُؤْفَكُونَ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan memperjalankan matahari dan bulan?” Sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Maka mengapa mereka terpedaya?.*

Begitu juga surah al-Ma’idah ayat 73:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهُ وَاحِدٌ وَإِن لَّمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: *Demi sesungguhnya telah kafirlah orang yang berkata: “Bahawasanya Allah ialah salah satu daripada tiga tuhan”. Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

Kedua-dua ayat tadi sebenarnya tidak boleh menjadi hujah bagi golongan bukan Islam untuk menggunakan kalimah ‘Allah’. Ia berdasarkan alasan-alasan berikut:

- i. Dalam surah al-‘Ankabut ayat 61, al-Qur’an hanya merakamkan sejauhmana kefahaman masyarakat Arab Jahiliyyah menggunakan kalimah ‘Allah’. Ia bukan untuk mengiya atau membenarkan penggunaan tersebut. Sebaliknya ia mahu menjelaskan bagaimana kalimah ‘Allah’ sudah dikenal oleh masyarakat Arab sebelum Islam. Daripada informasi ayat-ayat seperti ini, al-Qur’an menjelaskan orang Arab Jahiliyyah hanya mengenal Allah sebagai (1) pencipta langit dan bumi; (2) yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; (3) yang menurunkan air dari langit; dan (4) tempat menggantungkan harapan. Konsep ini jelas bertentangan dengan konsep ‘Allah’ yang sebenar iaitu sebagai Zat yang wajib disembah dan tidak dipersekutukan¹².
 - ii. Manakala surah al-Ma’idah ayat 73 pula tidak boleh menjadi alasan kepada pihak Kristian untuk menggunakan kalimah ‘Allah’. Ini kerana Allah SWT sendiri menafikan golongan yang mengatakan Zat-Nya itu satu oknum daripada tiga oknum (trinititi). Malah mereka dianggap kafir¹³. Ini bermakna sebutan ‘Allah’ yang keluar dari lidah golongan Kristian itu adalah sia-sia dan tiada nilai di sisi Allah kerana ia tidak merujuk kepada kalimah ‘Allah’ yang sebenar. Sebagaimana maklum, kalimah ‘Allah’ merujuk kepada zat (esensi) yang dinamakan. Sebagai perumpamaan mudah, perkataan ‘kereta’ adalah merujuk kepada kenderaan bermotor. Oleh itu, tiada makna bagi orang yang menggunakan perkataan ‘kereta’ untuk merujuk kepada alat menjahit pakaian. Sekiranya ia masih menggunakan perkataan ‘kereta’ tetapi merujuk kepada alat yang salah, ini bermakna penggunaan perkataan itu adalah sia-sia dan tidak bermakna.
- b) Menjadikan al-Quran sebagai rujukan untuk menyokong alasan golongan bukan Islam menggunakan kalimah ‘Allah’, bukanlah satu alasan bagi Gereja Katolik tetapi hujah bagi umat Islam. Ia melambangkan kegagalan Gereja Katolik untuk berhujah berasaskan teks asal kitab agama mereka. Bagi umat Islam, ini menjadi bukti bahawa al-Quran merupakan kitab suci yang memiliki fakta-fakta yang utuh dan konsisten. Ia juga menjadi bukti bahawa Gereja Katolik menggunakan al-Quran sebagai sumber paling

¹² Tafsir Ibn Kathir, j. 6, hal. 403.

¹³ Tafsir al-Tabari, j. 10, hal. 482.

dipercayai untuk mengakui ‘Allah’ sebagai nama tuhan berbanding berhujah berdasarkan perbincangan sejarah dan ilmu bahasa. Oleh yang demikian, fakta-fakta mengenai ‘Allah’ sepertimana yang dibentangkan oleh al-Quran juga hendaklah diterima.

Atau adakah Gereja Katolik ingin mengatakan bahawa lafaz ‘Allah’ di dalam al-Quran itu merujuk kepada lafaz Elohim dalam kitab asal mereka berbahasa Ibrani? Jika kalimah ‘Allah’ dan Elohim itu merujuk kepada hakikat yang sama, mengapa pula konsepnya berbeza. Al-Qur’an mengatakan Allah itu Maha Esa dan tidak mempunyai anak sebaliknya Gereja Katolik berpegang kepada konsep trinititi. Ini sekaligus memberi makna konsep ‘Allah’ di dalam Islam adalah amat konsisten sehingga umat Islam tidak perlu menterjemahkannya kepada mana-mana bahasa dunia. Ia berbeza dengan konsep ketuhanan agama Kristian yang tidak memiliki sumber yang jelas dan konsisten sehingga memerlukan penterjemahan dan pinjaman daripada bahasa lain.

Alasan keempat: Mendakwa bahawa segmen (terjemahan) dalam Bahasa Malaysia diwujudkan untuk memenuhi keperluan kepelbagaian etnik dan bahasa yang wujud di Malaysia sebagaimana yang wujud dalam populasi penganut Katolik di Malaysia.

Hujah-hujah Menolak:

- a) Alasan penterjemahan kepada Bahasa Malaysia sebagai lambang kepelbagaian yang wujud dalam populasi masyarakat Kristian Katolik juga tidak boleh diterima. Perlu diketahui bahawa bahasa Malaysia berasal daripada Bahasa Melayu. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menyebut Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia. Perlu diingat bahawa ketika perlembagaan digubal, istilah “Malaysia” belum wujud. Oleh itu, apabila kita merujuk kepada bahasa Malaysia ia sudah tentu merujuk kepada bahasa Melayu yang sekaligus merujuk kepada masyarakat Melayu Islam. Justeru peristilahan-peristilahan khusus yang telah menjadi syiar dan perlambangan kepada masyarakat Melayu Islam sudah tentu tidak sekali-kali boleh diubah konsepnya untuk diterap kepada satu budaya dan agama yang lain.
- b) Memaksakan penggunaan kalimah ‘Allah’ dalam kalangan Kristian Katolik yang bertutur dalam bahasa Melayu di negara ini juga, secara logiknya sudah pasti memberi kesan negatif terhadap konsep ketuhanan dalam agama Kristian. Telah dimaklumi bahawa kalimah ‘Allah’ itu adalah kalimah yang didominasi oleh umat Melayu Islam secara politik dan kebudayaan yang terdiri daripada 60% penduduk Malaysia berbanding hanya 9.1% penganut Kristian pelbagai mazhab. Bukankah dengan penggunaan peristilahan yang sama bakal menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penganut Kristian berbahasa Melayu sendiri? Justeru, penterjemahan yang lebih tepat seperti ‘Tuhan’ sepatutnya digunakan oleh Gereja Katolik bagi menjamin

kepercayaan agama Kristian sentiasa terpelihara selain mengelakkan kekeliruan.

Alasan kelima: Mendakwa kerajaan tidak mempunyai hak untuk campurtangan di dalam urusan dalaman gereja berdasarkan hak yang diberi oleh Perkara **11(3a)** Perlembagaan Persekutuan.

Hujah-hujah menolak:

- a) Alasan ini adalah tidak benar sama sekali. Sebaliknya kerajaan telah diberi hak oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara **11(4)** (untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam). Di bawah peruntukan ini kerajaan (sama ada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri) telah menggubal undang-undang mengawal dan menyekat pengembangan agama-agama bukan Islam terhadap umat Islam. Sebagai contoh Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu 1980, Seksyen 9 menyebut; (melarang seseorang (bukan Islam) daripada menggunakan perkataan-perkataan tertentu baik dalam tulisan, ucapan atau kenyataan untuk menggambarkan antaranya kepercayaan atau konsep mana-mana agama bukan Islam. Perkataan-perkataan itu termasuklah Allah, Ilahi, Rasul, Nabi, Wahyu, Iman, Imam, Syariah, Ulama, Dakwah, Ibadah, Injil dan lain-lain). Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa menggunakan kalimah ‘Allah’ sebagai terjemahan kepada perkataan ‘god’ di dalam Bible adalah menyalahi undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negara ini. Oleh itu, ia tidak boleh disifatkan sebagai urusan dalaman gereja.

Hujah-hujah Tambahan

Sebagai tambahan kepada hujah-hujah tadi, empat persoalan dikemukakan terhadap Gereja Katolik berhubung tuntutan mereka yang memerlukan jawapan bagi umat Islam di Malaysia iaitu:

- a) Mengapa Gereja Katolik tidak menggunakan kalimah asal bagi tuhan sebagaimana yang terkandung dalam bahasa asal kitab mereka? Mengapa nama tuhan perlu diterjemah sedangkan nama tuhan adalah satu kata nama khas yang sepatutnya digunapakai tanpa mengira bahasa pertuturan si penganut agama. Bukankah kalimah tuhan dalam Bible berbahasa Ibrani ialah Elohim, El, Eloh atau Elah?
- b) Mengapa masih wujud percanggahan antara penganut Kristian tentang gelaran kepada tuhan? Pada Ogos 2007, seorang paderi Roman Katolik di Belanda, Tiny Muskens, telah membuat seruan supaya penganut Kristian menggunakan kalimah ‘Allah’. Bagaimanapun seruan tersebut telah mendapat bantahan daripada penganut Kristian sama ada dalam kalangan Protestan mahupun Katolik. Presiden Liga Katolik Bagi Hak Agama dan Sivil telah membantah saranan tersebut dalam kenyataannya, *“Bishop Martinus Tiny Muskens can pray to “Allah” all he wants, but only*

addlepatated Catholics will follow his lead. It is not a good sign when members of the Catholic hierarchy indulge in a fawning exchange with Muslims, or those of any other religion"¹⁴. Manakala Pengerusi General Synod of the Dutch Protestant Church, Gerrit de Fijter juga menolak cadangan Muskens supaya penganut Kristian menggunakan kalimah 'Allah', beliau berkata, "*I applaud every attempt to encourage dialogue with Muslims, but I doubt the sense of this maneuver*"¹⁵.

Di samping itu, terdapat artikel berbahasa Arab tulisan Izzat Andrews, seorang penganut Kristian Koptik di Mesir berjudul 'Allah bukan tuhan agama Kristian dan Yahudi'. Beliau mengatakan bahawa kalimah 'Allah' hanya berasal daripada penggunaan orang Jahiliyyah yang merujuk kepada tuhan bulan. Ia tidak pernah termaktub dalam kitab-kitab Yahudi mahupun Nasrani. Tuhan bagi agama Kristian ialah Elohim¹⁶. Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan kalimah 'Allah' bagi agama Kristian masih menjadi suatu polemik dalam kalangan agamawan Kristian. Oleh itu apa hujah Gereja Katolik di Malaysia untuk mempertahankan penggunaan kalimah 'Allah' sedangkan ia sendiri belum dimuktamadkan oleh Kristian di peringkat dunia?

- c) Sebagaimana hujah yang telah dikemukakan sebelum ini, penjajah Kristian yang datang ke Tanah Melayu mempunyai dua matlamat utama. Antaranya ialah untuk menyebarkan agama Kristian ke seluruh rantau ini. Laporan Bernama yang dipetik dari majalah *The Minaret* terbitan Pusat Islam California mengatakan pendakwah Kristian menjadikan Malaysia antara negara sasaran bagi satu gerakan Kristianisasi yang digelar "Window 10/40". Ini kerana Malaysia salah satu negara yang terletak di antara garis lintang 10 dan 40 di peta dunia¹⁷. Malah dalam satu laporan, Jabatan Agama Islam Johor bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri telah merampas 250 judul buku mengenai ajaran Kristian dalam bahasa Melayu. Buku-buku tersebut menggunakan judul seperti Kaabah, Wahyu Ilahi dan Mengenal Rasul. Sekali pandang kepada tajuk-tajuknya ia seperti taktik untuk cuba menarik minat orang-orang Islam membaca buku-buku ini¹⁸. Oleh itu, apa jaminan Gereja Katolik untuk mengatakan bahawa penggunaan kalimah 'Allah' hanya terbatas buat penganut Kristian dan bukan terhadap umat Islam?
- d) Adakah Gereja Katolik bersetuju sekiranya dikatakan bahawa fakta-fakta tentang tuhan di dalam Bible itu tidak sejelas dan setepat al-Quran malah bercanggah antara satu sama lain. Sebagai contoh, terdapat ayat di dalam Bible yang merujuk kepada ke-Esaan tuhan seperti di dalam Perjanjian Lama yang menyebut; *Ingatlah wahai bangsa Israel! Tuhan satu-satunya*

¹⁴ <http://www.foxnews.com/story/0,2933,293394,00.html>. Dilayari pada 8 Jun 2008.

¹⁵ <http://www.news.com.au/story/0,23599,22254040-13762,00.html>. Dilayari pada 8 Jun 2008.

¹⁶ http://www.coptichistory.org/new_page_197.htm

¹⁷ Berita Harian, 4 Februari 1997

¹⁸ Utusan Malaysia bertarikh 3 Februari 1997

ialah Allah kita.¹⁹ Bagaimanapun di tempat yang lain banyak ayat yang menyanggah ke-Esaan tuhan seperti di dalam Perjanjian Baru; *Setelah semua orang dibaptis, Jesus juga dibaptis. Ketika Dia berdoa, langit terbuka, dan Roh Allah berwujud burung merpati turun ke atas-Nya. Lalu terdengar satu suara dari Syurga mengatakan: “Engkaulah Anak-Ku yang Aku kasahi. Engkau menyenangkan hatiKu.”*²⁰ Sedangkan fakta-fakta tentang Allah di dalam al-Quran amat konsisten dan tidak pernah berubah-ubah. Surah al-Ikhlâs menyebut dengan jelas siapakah ‘Allah’ yang sebenar. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa; “Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; “ Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; “Dan tidak ada sesiapaupun yang setara denganNya”.

Sehubungan itu, al-Quran mengajar umat Islam apabila berlaku pertembungan antara Islam dengan ahli kitab (Yahudi dan Kristian), menjadi tanggungjawab umat Islam menyeru mereka supaya menerima konsep ‘Allah’ sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran tersebut. Allah SWT berfirman berkenaan hal ini di dalam surah Ali Imran ayat 64:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah”. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam”.

Persoalannya adakah Gereja Katolik bersedia untuk mempertimbangkan seruan al-Qur’an untuk menggunakan kalimah ‘Allah’ dengan merujuk kepada hakikat yang sama iaitu Tuhan Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu bagi-Nya?

¹⁹ Rujuk Al-Kitab, The Bible Society Of Malaysia, Perjanjian Lama Buku Ulangan bab 6 ayat 4

²⁰ Rujuk Al-Kitab, The Bible Society Of Malaysia, Perjanjian Baru Lukas bab 3 ayat 21 dan 22

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-82 yang bersidang pada 5 hingga 7 Mei 2008 memutuskan bahawa penggunaan kalimah Allah adalah khusus buat agama dan umat Islam sahaja.

Pandangan Tokoh Ulama Luar Negara

Pandangan Wakil al-Azhar (Timbalan Syeikh al-Azhar) dan Ketua Lajnah Dialog Antara Agama al-Azhar, Fadhilat al-Syeikh Abdul Fattah ‘Allam

Beliau berpendapat bahawa tindakan kerajaan Malaysia menegah penggunaan kalimah Allah dalam kalangan bukan Islam adalah tepat. Ini kerana kalimah Allah tidak boleh disamaertikan dengan kalimah Rabb yang membawa makna Yang Mewujudkan. Sebagaimana maklum penganut bukan Islam menamakan sebarang tuhan yang mereka sembah seperti batu, haiwan, matahari dan lain-lain sebagai Allah. Hal ini sudah tentu amat tidak wajar sama sekali dan menyalahi maksud kalimah Allah itu sendiri sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur’an dan al-Hadith²¹.

Pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian Kehakiman Arab Saudi, Syeikh Abdul Muhsin al-‘Abikan

Beliau berpendapat bahawa pendekatan Kerajaan Malaysia ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada penyalahgunaan nama ‘Allah’ melainkan hanya kepada Yang Maha Pencipta (tuhan yang sebenar). Ia kerana terdapat agama-agama lain yang juga menggunakan kalimah Allah bagi agama mereka sedangkan mereka adalah penyembah berhala, oleh itu nama ‘Allah’ tidak sepatutnya digunakan bagi menggambarkan tuhan-tuhan yang selain-Nya²².

Tokoh Pergerakan Perlembagaan Islam (Islamic Constitutional Movement) Kuwait, Syeikh Abdul Hamid al-Ballali

Beliau menyokong penuh keputusan kerajaan Malaysia untuk tidak membenarkan penganut bukan Islam menggunakan kalimah Allah sebagai panggilan bagi tuhan mereka. Beliau beralasan bahawa keputusan tersebut amat signifikan bagi memelihara maksud istilah sebenar bagi kalimah Allah. Umat yang gagal memelihara istilah-istilah agamanya adalah umat yang leka. Sedangkan Allah SWT telah mengangkat umat ini sebagai sebaik-baik umat.

Menurutnya lagi umat Islam perlu sedar banyak istilah-istilah yang berasal daripada Islam pada hari ini telah cuba dieksploitasi, disalahguna atau dipesongkan maknanya oleh pihak tertentu. Ianya seperti istilah ‘syahid’ yang juga digunapakai bagi penganut bukan Islam. Istilah ‘riba’ yang ditukarkan

²¹ Kenyataan ini dibuat oleh beliau ketika penulis menghadiri Kursus Pengendalian Fatwa dan Pengurusan Dakwah dari Mei-Julai 2009.

²² Fail Cawangan Aqidah JAKIM.

kepada 'faedah bank'. Istilah 'khamar' yang ditukarkan kepada 'minuman rohani'. Istilah 'liwat' yang ditukarkan kepada istilah 'hubungan sesama jenis'. Persoalannya adakah umat Islam sedar tentang fenomena ini sebagaimana kesedaran yang dipamerkan oleh Kerajaan Malaysia?²³

Keputusan Kerajaan

Keputusan mesyuarat Kabinet bertarikh 16 Mei 1986 juga telah memutuskan bahawa perkataan Allah adalah termasuk antara kalimah-kalimah yang dilarang penggunaannya oleh mereka yang bukan beragama Islam. Malah penggunaan kalimah Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah telah pun diwartakan hanya eksklusif buat umat Islam sahaja di bawah Warta P.U (A) 15/82 dan pekeliling KKDN. S.59/3/6/A bertarikh 5 Disember 1986. Manakala Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 3 Januari 2008, memutuskan untuk mengekalkan larangan tersebut sebagaimana yang pernah diputuskan pada 18 Oktober dan 1 November 2006.

Kesimpulan

Berdasarkan hujah-hujah yang telah dinyatakan, tiada sebab untuk kerajaan membenarkan penggunaan kalimah 'Allah' kepada pihak Kristian. Malah keputusan kerajaan adalah selari dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang menobatkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Umat beragama di Malaysia telah sedia maklum bahawa sebarang isu yang berkaitan dengan Islam sama ada secara langsung atau tidak seharusnya menghormati kedudukan istimewa agama Islam dan umat Melayu Islam di negara ini.

Rujukan

- Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*
Al-Thabari, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*
_____ (1990), *Mengapa Kalimah Allah?*, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM KL.
A.S Hornby(1985), *Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English*, Oxford University Press, Great Britain.
Neill,S(1956). *Colonialism and Christian Missions*. London: Lutterworth Press.
Berita Harian, 4 Februari 1997
Utusan Malaysia bertarikh 3 Februari 1997
Al-Kitab, The Bible Society Of Malaysia
<http://www.news.com.au/story/0,23599,22254040-13762,00.html>.
http://www.coptichistory.org/new_page_197.htm
<http://www.britannica.com/eb/article-9005770/Allah>.
<http://www.newadvent.org/cathen/01316a.htm>.
http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx.
http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx.
<http://www.foxnews.com/story/0,2933,293394,00.html>.

²³ Fail Cawangan Aqidah JAKIM.